

**DASAR PERLEMBAGAAN SEBAGAI  
PENCAPAIAN SULTAN MUDA OMAR 'ALI  
SAIFUDDIEN DALAM SYAIR  
PERLEMBAGAAN NEGERI BRUNEI**  
('CONSTITUTIONAL POLICY' AS SULTAN MUDA  
OMAR 'ALI SAIFUDDIEN'S ACHIEVEMENT IN SYAIR  
*PERLEMBAGAAN NEGERI BRUNEI)*)

Nurdiyana Abd Ghani  
Zubir Idris  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi  
Selangor

**Email:** nurdiyanaghani@gmail.com  
zidris@ukm.edu.my

*(Dihantar: 3 Januari 2020; Diterima: 1 Mac 2020)*

**Abstrak**

Syarikat Perlembagaan Negeri Brunei karangan Sultan Muda Omar 'Ali Saifuddien adalah salah satu dokumen karya kesusastraan yang sangat penting dan bermakna buat Negara Brunei Darussalam. Perisian di dalamnya mengandungi rakaman peristiwa penting berkaitan perundingan penubuhan Perlembagaan Negeri Brunei, selain mempunyai unsur-unsur nasihat kepada 'pakulun baginda' (ahli kerabat baginda, iaitu putera dan puteri baginda terutama putera mahkota yang bakal menjadi pewaris kerajaan) dalam memimpin rakyat serta mentadbir negara. Keunggulannya terserlah melalui tiga pengisian utama iaitu pertama, menjurus kepada pandangan dan cita-cita tinggi seorang putera diraja terhadap rakyatnya; kedua, catatan peristiwa sejarah tentang penubuhan Perlembagaan Bertulis; dan ketiga, mengemukakan unsur-unsur nasihat yang penuh dengan tamsil yang diasaskan kepada pengalaman dan kewibawaan daya kepimpinan. Kehebatan syair ini amat terserlah kerana pengisianya yang mengemukakan gagasan dan falsafah kepimpinan raja ke arah kemajuan dan wawasan negara di hari mendatang. Tambahan pula yang menghasilkan syair ini merupakan seorang nasionalis dan sasterawan negara yang unggul lagi terserlah kejayaannya menerajui pemerintah negara Brunei selaku sultan ke-28. Hasil kajian mendapati bahawa *Syarikat Perlembagaan Negeri Brunei* telah

dapat menngambarkan pencapaian Sultan Muda Omar 'Ali Saifuddien dalam usahanya memperjuangkan dasar perlembagaan Negara Brunei.

**Kata Kunci:** Dokumen, Gagasan, Kepimpinan, Pencapaian, Perlembagaan Negara Brunei

### **Abstract**

The Constitution of Brunei State by Sultan Muda Omar 'Ali Saifuddien is one of the documents of literary work that is very important and meaningful for Brunei Darussalam. Syair Perlembagaan Negeri Brunei, penned by the ruler of Brunei, Sultan Muda Omar 'Ali Saifuddien, is one such poem. It records important events that surrounded the establishment of the Brunei State Constitution, as well as offers advice on providing leadership to the people and governing the country, all of which are addressed to His Majesty's 'pakulun' (that is members of his family, namely his sons and daughters, especially the crown prince in line to the throne). His Majesty's wisdom is evident in the three main subjects that he chose to treat in the poem. Firstly, the poem makes clear a royal prince's visions and ambitions for his people; secondly, it records historical events that led to the establishment of Brunei's Written Constitution; and thirdly, it offers advice, culled from His Majesty's experience and leadership, which it presents in the form of parables. The strength and worth of the poem lies largely in the critical ideas and philosophy of royal leadership, one that envisions the country's progress in the future. The author was also a nationalist and the country's poet laureate who successfully ruled Brunei as its 28<sup>th</sup> sultan. The results of the study found that the Constitution of Brunei has been able to describe the achievements of Sultan Muda Omar 'Ali Saifuddien in his efforts to fight for the constitutional policy of Brunei

**Keywords:** Document, Ideas, Leadership, Achievement, Constitution of The State of Brunei

### **1.0 Pengenalan**

Negara Brunei Darussalam sejak dahulu merupakan negeri Melayu yang telah mempunyai tamadun persuratan. Tamadun ini bermula dari tradisi lisan kemudian beralih kepada tradisi bertulis. Penemuan naskhah lama ini membuktikan bahawa puisi dalam masyarakat Melayu Nusantara bermula setelah manusia mengenal bahasa. Berhubung perakara ini, Haji Morsidi (2011, p.1) mengatakan asyarakat menggunakan puisi sebaik sahaja anggotanya dapat berkomunikasi melalui bahasa.

Menurut Ampuan Hj Brahim Hj Tengah (1995, p.103), genre syair merupakan genre sastera yang amat digemari di Brunei sejak dulu lagi. Pelbagai judul syair boleh didapati di Brunei; antaranya *Syair Awang Semaun*, *Syair Rakis* dan *Syair Rajang* yang menjadi pilihan kegemaran orang Brunei. *Syair Rajang* adalah salah satu syair yang popular di Brunei kerana dapat merangsang kreativiti orang Brunei untuk berkarya, dari mula ia tercipta hingga ke zaman Sultan Omar 'Ali Saifuddien yang menghasilkan karya baginda tersendiri. Kemunculan Almarhum selaku golongan bangsawan atau elit malah dari jurai keturunan diraja yang turut bergiat aktif menghasilkan syair untuk masyarakat telah menaikkan minat masyarakat untuk turut berkarya. Karya Almarhum Sultan Omar 'Ali Saifuddien iaitu *Syair Perlembagaan Negeri Brunei* diketengahkan bagi mengangkat ketokohan baginda sebagai seorang nasionalis, dalam usahanya mencapai dasar berperlembagaan di Negara Brunei. Karya baginda mula diterbitkan pada awal tahun 1960-an yang berfokus kepada unsur-unsur Islam di samping ketatanegaraan dan adab. Malah minat mendalam terhadap syair adalah untuk menyampaikan pemikiran baginda (Haji Morsidi, 2011, p.90).

Keperibadian Sultan Omar 'Ali Saifuddien selaku pemerintah Negera Brunei Darussalam sebagai sultan Brunei ke-28 pula digambarkan memiliki pendirian teguh sebagai Artikek Moden Brunei. Hal ini dapat dilihat daripada visi baginda untuk memastikan Brunei menjadi negara yang merdeka. Merujuk akhbar *Pelita Brunei* (2009, p.22-23), dicatatkan pandangan peribadi Dato Laila Utama Lee Kuan Yew yang antara lainnya menekankan bahawa tanpa pendirian teguh dan kepimpinan bijaksana Almarhum, Brunei tidak akan mencapai kemakmuran dan kemerdekaan seperti yang dikehendaki sekarang.

Menurut beliau, Almarhum berjaya mengukuhkan institusi kewangan Islam Brunei. Selain itu, baginda juga berani mengambil risiko yang bijak dalam tempoh 17 tahun terhadap ekonomi, sosial dan politik negara dengan dua Rancangan Kemajuan Lima Tahun serta berjaya menyediakan sistem pendidikan seluruh negara. Malah baginda juga menubuhkan Rejimen Askar Melayu Diraja Brunei pada tahun 1961 dan menubuhkan Lembaga matawanag pada tahun 1967.

## **2.0 Syair di Negara Brunei Darussalam**

Perkembangan syair di Negara Brunei Darussalam bermula dengan kemasukan Islam melalui perdagangan. Para pedagang dari Arab Parsi telah sampai ke Brunei dengan membawa kitab-kitab agama. Bermula dari peristiwa itu, penyebaran agama Islam telah berkembang luas di Negara Brunei Darussalam sehingga masyarakat terdedah kepada penulisan yang berkaitan dengan kitab-kitab agama.

Ampuan Brahim (2011, p.34) dalam tulisannya mengatakan, "Sebagai salah sebuah negara yang tertua di Nusantara, Negara Brunei memiliki banyak naskhah lama yang merupakan catatan bertulis mengenai sejarah dan budaya. Namun tidak banyak daripada naskhah-naskhah tersebut dapat dinikmati oleh khalayaknya kerana masih banyak yang belum dikaji dan ditransliterasikan. Beberapa naskhah yang sudah ditransliterasi dan sering menjadi bahan kajian adalah, seperti *Silsilah Raja-raja Brunei, Syair*

Menurut Alimin (1995, p.10), perkembangan penulis kreatif jenis puisi tradisional di Brunei tentu tidak akan lengkap kalau tidak disebutkan peranan dan sumbangan yang diberikan oleh Kebawah Duli Yang Teramat Mulia

Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien dengan karya-karya baginda seperti *Rampaian Lalila Syair*, *Syair Asli Rajang Hari*, *Syair Nasihat*, *Syair Rajang*, *Syair Jenaka* dan *Syair Perlembagaan Negeri Brunei*.

Kurangnya penyelidikan tentang syair-syair terdahulu menyebabkan sastera Brunei kurang dikenali. Perkara ini berlaku kerana menurut Noriah Mohamed (2006: 84), sejarah awal syair di Brunei pada dasarkan hanya sekadar hiburan seperti *Syair Rajang*. Namun begitu, syair telah mula berubah menjadi media terpenting untuk mendidik dan menasihati masyarakat terutama ahli keluarga. Kepentingan syair ini dinyatakan oleh Hashim Hamid (1991:23) yang mengatakan beberapa syair yang ditulis oleh Sultan Omar 'Ali Saifuddien seperti *Rampaian Laila Syair* dan *Syair Asli Rajang Hari* rata-rata mengemukakan kata-kata nasihat untuk anakanda-anakanda baginda demi pembangunan negara. Begitu juga dengan *Syair Perlembagaan Negeri Brunei* yang khusus menceritakan sejarah bertulisnya perlembagaan negeri. Selain itu, tidak dinafikan apabila syair menjadi salah satu media hiburan seperti yang disentuh oleh Ampuan Brahim (2010:12) yang menyatakan bahawa syair lisan banyak ditemukan dalam upacara atau majlis-majlis keramaian misalnya di malam pementasan hari keputeraan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Sei Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, malam berjaga-jaga di istiadat perkahwinan diraja, dan juga digunakan sebagai pembuka kata di suatu acara atau majlis rasmi.

Penggantian kuasa istana kepada sistem pemerintahan British telah melontarkan masyarakat Melayu kepada suatu sistem nilai dan pemerintahan yang amat berlainan dengan tradisi hidup, etos dan konvensi yang selama ini didukungi oleh mereka. Misalnya raja-raja Melayu tidak lagi berkuasa mutlak

sebaliknya dikawal oleh 'European rajas' yang terdiri daripada para pentadbir British (Rahimah Hamdan & Arba'ie Sujud, 2018, p.246). Justeru, pelbagai transformasi cuba dicapai dalam memerdekaan negara. Transformasi dan perkembangan Negeri Brunei sepanjang pemerintahan Sultan Omar 'Ali Saifuddien selama 17 tahun di atas takhta telah mendapat hasil. Baginda dikenali sebagai raja yang berjiwa rakyat. Perihal ini diperkatakan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara (Dr.) Haji Mohd. Yusof dalam rencana yang dimuatkan akhbar *Pelita Brunei* (2010, p.9). Beliau menyatakan jasa dan sumbangan Almarhum terhadap kemajuan negara; antaranya menaikkan taraf negara Brunei kepada sebuah negara sedang membangun seperti mengadakan kemudahan infrastruktur (elaun pencen tua, sekolah, klinik, perkhidmatan elektrik secara percuma). Selain membangunkan semula Pekan Brunei yang telah musnah akibat Perang Dunia Kedua.

Kehebatan kepenyairan Almarhum telah disuarakan oleh Teuku Iskandar (1992, p.13), apabila menempatkan Almarhum alam kalangan elit Brunei sebagai seorang penyair terbesar dan berwibawa malah ketokohan baginda diperkatakan khusus dalam bidang syair sebagai wadah yang mencerminkan pendapat dan buah fikiran baginda. Selain itu, baginda adalah tokoh penyair yang paling banyak menghasilkan syair setelah Syeikh Hamzah Fansuri. Perkembangan awal syair itu ternyata lebih terserlah setelah penyair Diraja menjadi tunjang utama dalam penulisan sehingga melahirkan tokoh-tokoh sastera terkenal seperti Yahya M.S, Adi Rumi dan Yura Halim.

### **3.0 Latar Belakang *Syair Perlembagaan Negeri Brunei***

Dalam *Syair Perlembagaan Negeri Brunei*, pelbagai kisah telah Almarhum Sultan Omar 'Ali Saifuddien ceritakan, bermula dari cita-cita baginda, rencana berpelembagaan dan berkerajaan sendiri hingga kepada perjuangan dan halangan yang dihadapi baginda. *Syair Perlembagaan Negeri Brunei* mengandungi 30 pembahagian kisah. Setiap satu daripada kisah tersebut dapat dikesan berdasarkan cara olahan dan frasa ayat yang digunakan penyair untuk beralih dari sebuah kisah ke sebuah kisah berikutnya (contohnya dapat dilihat berdasarkan frasa ayat yang dihitamkan). Berdasarkan pembahagian tersebut, terdapat empat kisah utama iaitu kisah perlembagaan negeri Brunei, nasihat kepada putera-puteri, kisah peguam dan orang yang berkhidmat dengan baginda sultan serta kisah percutian baginda ke luar negeri. Kisah ini telah disusun secara berperingkat mengikut catatan sejarah peristiwa itu berlaku berserta tahunnya. Contoh peralihan kisah itu dapat dilihat antaranya seperti berikut:

Inilah terasul pemula karangan,  
Mengambil berkatnya dagang  
arangan,  
Dapat menyusun syair kenangan,  
Syair riwayat perlembagaan.  
(SPNB, 2008, p.2)

Rangkap syair tersebut adalah bahagian permulaan syair yang mengisahkan tentang rancangan untuk mengadakan perlembagaan negara. Seterusnya diikuti pula dengan rangkap ke dua di bawah yang jelas melihatkan peralihan kisah dari permulaan kisah perlembagaan negeri Brunei kepada kisah

peguam. Kisah peguam ini dimasukkan dalam bahagian kisah pegawai-pegawai yang berkhidmat kerana nama-nama pegawai ini disenaraikan berserta peribadi dan kisah masing-masing. Peralihan kisah itu dapat dilihat dalam rangkap syair berikut:

Disebutkan pula kisah peguam,  
Di negeri Brunei duduk berdiam,  
Sementara menyusun peraturan kalam.  
Mendengarkan maksud untuk disulam.

(SPNB, 2008, p.7)

Peralihan kisah seterusnya berkait tentang nasihat dan pengajaran yang diberikan oleh baginda sultan kepada anakandanya tentang segala perilaku berkaitan dengan tanggungjawab sewaktu menjalankan tugas. Antaranya ialah cara melayani tetamu, membalas budi dan menunaikan perintah Allah. Rangkap syair berikut memperlihatkan peralihan kisah yang menyentuh tentang pengajaran dan nasihat baginda kepada anakandanya:

Wahai anakanda muda talampakan,  
Keolehan begini hendaklah diingat,  
Jangan hendaknya kita lupakan,  
Ambil contoh buat teladan.

(SPNB, 2008, p.8)

Seterusnya kisah percutian baginda yang dipaparkan pada rangkap berikut memperlihatkan peralihan dari kisah rombongan kepada kisah percutian, yang dapat dilihat berdasarkan frasa ayat "ke tanah seberang dagang kesuma, duduk berehat sedikit lama". Perkara ini dapat dilihat pada rangkap syair berikut:

Berhenti kisah rombongan bersama,  
Pergi ke Malaya bersama  
menjelma, Ke tanah seberang  
dagang kesuma, Duduk berehat  
sedikit lama.

(SPNB, 2008, p.64)

Secara keseluruhannya terdapat 30 peralihan kisah yang masing-masing menyentuh kepada empat kisah utama iaitu kisah perlembagaan negeri Brunei, nasihat kepada putera-puteri, kisah peguam dan orang yang berkhidmat dengan baginda sultan dan kisah percutian baginda ke luar negeri.

#### **4.0 Sejarah Awal Pembentukan Perlembagaan Negeri Brunei**

Sejarah Brunei merakamkan pencapaian baginda Sultan Omar 'Ali Saifuddien sebagai titik tolak ke arah kemerdekaan Negara Brunei Darussalam. Pencapaian cita-cita kemerdekaan yang dihasratkan oleh baginda mulai diusahakan setelah baginda menaiki takhta pada 6 Jun 1950 (Mohd. Jamil Al-Sufri, 1992, p.37). Pelbagai usaha telah disusun atur melalui pentadbiran kerajaan dengan mengadakan perundingan yang dimuzakarahkan dalam Majlis Mesyuarat Negeri (MMN), iaitu Rancangan Kemajuan Lima Tahun Pertama yang mengandungi penyusunan infrastruktur, mengadakan Lembaga Perjawatan dan Jawatankuasa Dermasiswa bagi mengimbangi pengambilan bilangan pegawai-pegawai asing dan anak-anak tempatan yang berijazah dan mengatur Pengawasan Belanjawan bagi penjimatan kewangan; dan seterusnya mengemukakan hasrat menubhukan perlembagaan bertulis yang bertujuan menjadi asas pembentukan kerajaan sendiri.

Sejarah awal rancangan pembentukan Perlembagaan Bertulis Negeri Brunei yang dikemukakan baginda Sultan Omar 'Ali Saifuddien kepada kerajaan British bermula pada tahun 1953 (*Brunei Anuual Report*, 1953, p.186), iaitu setelah baginda berangkat balik dari London. Peristiwa ke arah pembentukan Perlembagaan Bertulis Negeri Brunei bukan hanya dicatatkan dalam *Brunei Anuual Report* malah telah diabadikan dalam bentuk penulisan syair yang dinamakan *Syair Perlembagaan Negeri Brunei* karangan Baginda Sultan Muda Omar 'Ali Saifuddien sendiri. Berikut adalah rangkap syair yang menerangkan hasrat dan tujuan baginda membentuk perlembagaan:

Perlembagaan Brunei nama ditara,  
Setelah dicadangkan untuk negara,  
Untuk kebaikan rakyat sugara,  
Memperbaiki nasib derita sengsara.

(SPNB, 2008, p.2)

Rangkap syair tersebut membuktikan bahawa hasrat ke arah pembentukan perlembagaan ini bertujuan untuk memperbaiki nasib rakyat yang ketika itu berada di bawah kuasa Residen British. Pelbagai agenda telah diatur dari mula rancangan ini dikemukakan baginda. Pengalaman negara Brunei di bawah kuasa Residen British sejak tahun 1906 telah memberikan pengajaran dan iktibar sehingga mendorong baginda untuk mengembalikan kuasa sultan dan sistem pemerintahan beraja sepenuhnya. Bagi merealisasikan impian baginda, proses undang-undang bertulis yang dikenali sebagai perlembagaan telah disediakan. Namun begitu, kerajaan British beranggapan Brunei belum bersedia memikul tanggungjawab sendiri dalam

memerintah negara. Segala rancangan British untuk menyatukan Brunei sebagai sebuah persekutuan ditolak (Siti Aisah 2010, p.8).

Rancangan penyatuan Brunei ke dalam Persekutuan Malaysia telah ditolak sehingga menimbulkan desas desus bahawa keputusan itu akan merugikan Sultan Brunei bahkan mempersulitkannya untuk mencapai kemerdekaan. Menurut Mohd. Jamil Al-Sufri (1992, p.156), baginda Sultan tidak berminat terhadap cadangan ke arah penyatuan tiga wilayah Borneo Utara iaitu Brunei, Sabah dan Sarawak (Persekutuan Wilayah Borneo Utara) kerana beranggapan sebarang bentuk penyatuan akan menenggelamkan kedudukan orang Brunei baik dari segi politik, ekonomi maupun sosial. Tambahan pula, kedudukan Brunei sebagai sebuah negara yang dinaungi berbeza dengan kedudukan Sarawak dan Sabah yang menjadi tanah jajahan British.

Berhubung perkara ini, dapatlah dianggap bahawa pendirian Sultan Brunei menolak penyatuan ini sama sekali tidak menjaskannya matlamat awal baginda dalam mencapai kemerdekaan, bahkan wawasan baginda terhadap masa depan kebijakan rakyat menjadi inti utama ke arah dasar berperlembagaan tersebut. Jelaslah kebijakan baginda selaku pemerintah Negara Brunei Darussalam yang ke-28 dalam membuat keputusan sebelum ini terbukti apabila Brunei mencapai kemerdekaan dan mempunyai kuasa otonomi penuh dalam negeri termasuk kuasa tentera dan hal ehawal luar negeri. Disebabkan penolakan terhadap penyatuan tersebut, rakyat Brunei dapat merasai nikmat kemerdekaan dalam berkerajaan sendiri hingga ke hari ini.

Sejarah awal perancangan ke arah perlembagaan adalah impian  
Almarhum

Sultan Omar 'Ali Saifuddien untuk membawa Brunei menuju ke era permodenan. Setelah termeterainya perjanjian perlembagaan di antara baginda Sultan dan kerajaan Inggeris yang diwakili oleh Sir Robert Scott pada 29 September 1959, baginda telah mengistiharkan penguatkuasaan undang-undang perlembagaan. Peruntukan perlembagaan yang telah dimasyhurkan memberikan Brunei taraf 'berkerajaan sendiri dalam negeri', manakala fungsi dan peranan *British high Commissioner* hanya menjadi penasihat kepada sultan (Mohd. Jamil Al-Sufri, 1999, p.31). Detik-detik dan perincian segala peristiwa, halangan dan pegawai-pegawai yang membantu merealisasikan impian baginda telah dicatatkan dalam *Syair Perlembagaan Negeri Brunei* yang mengambil nama sempena peristiwa bersejarah Brunei sewaktu menggubal perlembagaan dan sistem beraja sepenuhnya. Menurut Dayangku Herney Zuraidah (2007, p.31), segala cita-cita baginda memperjuangkan kemerdekaan negara Brunei telah diperihalkan dalam syair berkenaan. Malah nasihat dan pengajaran juga diterapkan untuk diambil iktibar oleh masyarakat terutama putera-puteri baginda.

## **5.0 Rakaman Kisah Perlembagaan Negeri Brunei Dalam SPNB**

Kisah perlembagaan negeri Brunei yang diabadikan dalam sebahagian *Syair Perlembagaan Negeri Brunei* ini menekankan peristiwa sejarah dari awal perlembagaan negeri Brunei ini dicadangkan sehingga terakhirnya termeterai perjanjian untuk merdeka dalam negara.

Menurut Siti Aisah (2010, p.9), Almarhum Sultan Omar 'Ali Saifuddien mempunyai rancangan tersendiri untuk membawa Brunei ke arah berkerajaan sendiri melalui sebuah perlembagaan. Pada peringkat awal rancangan

perlembagaan ini, beberapa ahli jawatankuasa telah dilantik untuk menemui rakyat jelata bagi menyatakan hasrat baginda dalam mencadangkan perlembagaan bertulis. Ternyata cadangan ini dipersetujui tanpa sebarang bantahan. Oleh itu, baginda mempercepatkan penggubalan perlembagaan dengan mengadakan perbincangan dan bertukar-tukar pandangan dengan pegawai British di Brunei. Peristiwa ini ada dirakamkan dalam rangkap syair di bawah:

Dirunding dengan pegawai wakilnya,  
Sebagai pihak wakil kerajaannya,  
Gabenor Commissioner juga pangkatnya,  
Anthony Abell itu namanya.

(SPNB, 2008, p.4)

Pada 1 Mei 1953, Almarhum Sultan Omar 'Ali Saifuddien telah mengumumkan secara rasmi perubahan dasar pemerintah kepada berpelembagaan. Titah ini telah dilaksanakan oleh sebuah Jawatankuasa Penasihat Perlembagaan Baru Brunei (JPPBB) dikenali sebagai 'Tujuh Serangkai' (Siti Aisah, 2020, p.9). Setelah selesai, rangka perlembagaan tersebut ditulis dan dihadapkan kepada setiausaha British. Sokongan penuh dari rakyat jelata diberikan kepada baginda. Akan tetapi Residen British kurang berminat dengan laporan yang disediakan kerana kandungannya yang menegaskan bahawa Residen British tidak akan mempunyai kuasa dalam pemerintahan Brunei, Brunei dijadikan sebuah negara kesultanan Islam dan memisahkan pentadbiran Brunei daripada Sarawak dan Borneo Utara (Siti Aisah, 2010, p.12). Pelbagai halangan telah dihadapi baginda sehinggalah perlembagaan ini akhirnya dipersetujui.

Pada dasarnya perundingan mengenai perlembagaan bertulis negara Brunei di antara baginda Sultan dan Anthony Abell telah dipersetujui oleh *Local Constitution Committee* tahun 1953, namun yang menjadi halangan, pihak British mengkehendaki wakil-wakil Majlis Daerah itu dipilih daripada rakyat yang dilindungi oleh British yang terdiri daripada bukan rakyat Brunei (Mohd. Jamil Al-Sufri, 1992, p.68). Perkara ini ditentang oleh baginda Sultan menyebabkan proses kelancaran perlembagaan memakan masa yang lama. Perkara ini ada diabadikan baginda dalam rangkap syair berikut:

Bertahun-tahun perbahasan diambil,  
Terkadang senang terkadang ganjil,  
Terkadang keluar perkara yang musykil,  
Bertikam lidah perbahasan stabil  
...  
...  
(SPNB, 2008, p.3)

Perundingan mula disidangkan dalam Majlis Mesyuarat Negeri yang berlangsung semenjak tahun 1953 dengan kerajaan Seri Paduka Baginda Queen. Namun keputusan yang diambil memakan masa yang agak lama dan belum ada kesudahannya sehingga baginda berhasrat untuk pergi sendiri ke London bagi mengadakan perundingan penamat. Rakaman peristiwa ini diabadikan dalam rangkap di bawah:

Perlembagaan dirunding sangatlah leka,  
Semenjak tahun lima puluh tiga,  
Dengan kerajaan Seri Paduka,  
Baginda Queen negeri Eropah.

Nurdiyana Abd Ghani & Zubir Idris, "Dasar Perlembagaan Sebagai Pencapaian Sultan Muda" JMS Vol. 3 Issue 1 (2020): 266 - 296

(SPNB, 2008, p.4)

Dengan ringkaskan perundingan hangat,  
Timbulah cadangan serta maklumat,  
Hendak menghurainya tidak terhemat,  
Berunding di London kata penamat.

(SPNB, 2008, p.5)

Keberangkatan baginda dan rombongan ke London adalah bertujuan untuk berunding dengan kerajaan British. Ketika di Singapura, baginda meminta Dato Panglima Gantang untuk menyediakan rang undang-undang perlembagaan yang kemudian disemak oleh Mr. Neil Lawson Q.R. Maka persiapan berangkat ke London telah diaturkan seperti yang tercatat dalam rangkap syair berikut:

Rombongan bertolak dari Brunei,  
Di Singapura duduk sebentar,  
Kerana menyinggahi muda yang  
permai,  
Dato Gantang peguam yang permai.

(SPNB, 2008, p.12)

Menurut Mohd. Jamil Al-Sufri (1992, p.70-71), perundingan yang dirancangkan baginda Sultan melalui Mr. Neil Lawson adalah antara lain menyampaikan surat khas kepada Yang Berhormat Mr. Alan Lennox Boyd yang kandungannya menyatakan bahawa baginda sendiri akan menghadiri perundingan perlembagaan tersebut. Berdasarkan perundingan yang dijadualkan pada 30 September 1957, pihak British menegaskan bahawa perlembagaan baru akan mengandungi syarat memberi kuasa *Reserved Power*

kepada wakil British. Perkara ini ditentang oleh baginda kerana isi kandungan perlembagaan adalah kepunyaan Sultan untuk kebajikan rakyat yang tidak boleh diambil sebahagian daripadanya. Peristiwa ini ada diabadikan dalam rangkap berikut:

Rombongan bersedia menghadapkan perkara,  
Di perjumpaan persidangan negara,  
Berteguh janji bersama mara,  
Dengan peguam penasihat negara.  
Membersihkan negara daripada kusut,  
Melepaskan utau memutuskan barut,  
Membuka simpulan kaban berkarut,  
Membetulkan semula yang karut marut.

(SPNB, 2008, p.15)

Persidangan bagi perundingan di London dikatakan telah berjalan dengan baik dan menyegerakan perlembagaan bertulis. Hal ini dapat dilihat seperti dalam frasa "bersoal jawab cara berdamai" dalam rangkap syair di bawah:

Perundingan berjalan dengan bisai,  
Bersoal jawab cara berdamai,  
Perundingan bersifat sahabat handai,  
Dapatlah persetujuan tiada lalai.

(SPNB, 2008, p.23)

Sekembalinya ke tanah air, semua yang terlibat mula mengatur langkah membincangkan semula segala perundingan yang telah dipersetujui sebelum memulakan perlembagaan dalam negara. Setelah rundingan tamat, keputusan

laporan yang dikumpul perlu diserahkan semula ke London. Peristiwa ini diabadikan baginda dalam syairnya:

Ahli rombongan menghadapkan maksud,  
Memberikan kenyataan segala  
ulasan, Menghuraikan sebab maksud  
tujuan, Tiada menerima rancangan  
sepenuhnya.

...

...

Pakar nin balik ke negeri London,  
Membawa repot segala laporan,  
Ahli rombongan menungu Lawson,  
Datang ke Brunei mengkaji laporan.

(SPNB, 2008, p.38)

Akhirnya tercapai juga maksud tujuan baginda untuk merealisasikan impian baginda setelah rancangan perlembagaan menemui kata sepakat di antara Baginda Queen dan Baginda Almarhum. Majlis penuh adat istiadat telah berlangsung di Lapau Diraja pada tanggal 29hb September 1959, pada pukul 12 petang. Ia sesungguhnya menjadi satu peristiwa bersejarah dalam negara Brunei seperti yang dinukilkkan baginda dalam rangkap-rangkap syair karangannya:

Menetapkan istiadat tamat dirundingkan,  
Dua puluh sembilan hari dimaksudkan,  
Bulan sembilan dipersetujukan,  
Lima puluh sembilan tahun dinyatakan.

...

...

Saat dimeterai dua belas setengah,  
Jam waktu dua belas bersama jumlah,  
Pada hari selasa jika tak salah,  
Dilangsungkan istiadat di Lapau perintah.

...

...

Tamatlah sudah perlembagaan negara,  
Perlembagaan Brunei nama tertera,  
Pentadbiran kerajaan berubah cara,  
Bertambah baik selamat dari cedera.

(SPNB, 2008, p.38-41)

Kisah perlembagaan negeri Brunei adalah satu peristiwa bersejarah yang menceritakan perjuangan baginda bersama para pegawai untuk mengadakan rancangan perlembagaan yang sekaligus menjadikan Brunei sebuah negara berkerajaan sendiri dan diperintah oleh baginda Sultan Omar 'Ali Saifuddien. Peristiwa ini membuktikan bahawa rancangan mewujudkan perlembagaan negara bukanlah satu kerja yang mudah malah mengambil tempoh yang agak lama. Selain itu, ia juga memerlukan persiapan yang teratur serta perancangan yang tertib kerana perjuangan untuk memiliki dasar pemerintahan beraja sendiri adalah satu tanggungjawab yang besar untuk dipikul. Oleh itu, baginda amat berhati-hati dalam setiap perundingan dan melantik orang-orang yang berkebolehan untuk mengendalikan segala hal tertentu yang berkaitan dengan masa depan negara.

## **6.0 Kisah-Kisah Lain Dalam *Syair Perlembagaan Negeri Brunei***

Peristiwa yang dikiperihalkan dalam *Syair Perlembagaan Negeri Brunei* oleh Sultan Omar Ali Saifuddien bukan hanya memperjuangkan dasar berperlembagaan, malah baginda juga turut mencatatkan perkara-perkara yang berkaitan dengan hal-hal kekeluargaan seperti pemberian kata-kata nasihat buat anakanda-anakanda baginda, perihal pegawai-pegawai yang berkhidmat dengan baginda selain peristiwa percutian baginda setelah berpenat-lelah menperjuangkan dasar perlembagaan Negeri Brunei, yang akan dijelaskan selanjutnya.

### **6.1 Nasihat Kepada Putera/Puteri**

Dalam kesibukan mentadbir negara, baginda tidak mengabaikan tanggungjawab kepada anakandanya. Dalam syair ini, baginda kerap menggunakan panggilan seperti "Wahai pakulun emas sekati", "Wahai anakanda muda talampakan", "Wahai malaiku muda yang elok", "Wahai ingsun cahayanya ayah", dan sebagainya. Sistem panggilan ini digunakan dalam konteks kekeluargaan ahli kerabat diraja bersesuaian dengan kata-kata nasihat yang ditujukan khusus buat putera dan puteri baginda. Dalam karangan syairnya, baginda menekankan kepentingan berkaitan adab, seperti adab tutur kata dan adab terhadap orang tua. Baginda mengingatkan betapa pentingnya berbudi bahasa dan menjaga tingkah laku kerana semua itu menjadi cerminan dan pandangan masyarakat bagi menilai hati budi seseorang. Berhubung perkara ini, Rahimah Hamdan & Arba'ie Sujud (2018, p.260) mengatakan adab terhadap anak berkaitan dengan ketua keluarga yang diamanahkan kepada golongan lelaki yang merupakan tanggungjawab yang

sangat tinggi di sisi agama Islam. Apatah lagi, jika ketua keluarga itu juga merupakan ketua sesebuah kerajaan, maka lebih berganda amanah yang perlu dipikul agar kekal hebat di mata rakyatnya.

Dalam syair ini, baginda Sultan Omar Ali Saifuddien menasihati anakandanya supaya menjaga kelakuan terutama semasa berhadapan dengan sifat amarah. Frasa "hanya menurutkan hati yang marah, ambilan mendengarkan kata faedah", menjelaskan nasihat baginda kepada anakandanya agar jangan mengikutkan perasaan hati ketika marah sehingga mengabaikan segala nasihat yang disampaikan. Perkara ini dapat dilihat pada rangkapan syair berikut:

Wahai pakulun awangku malai,  
Rajin dan jujur menambahkan pandai,  
Pekerjaan baik berhati marmai,  
Mahal daripada intan bercanai.  
Jika berani ditimbang salah,  
Hanya menurutkan hati yang marah,  
Ambilan mendengarkan kata faedah,  
Harus tak dapat hati dipatah.

(SPNB, 2008, p.6)

Baginda juga menasihati anakandanya agar sentiasa meletakkan orang tua di tempat yang mulia, disayangi dan dihormati; malah tidak boleh diderhakai atau mengatakan ucapan yang kasar kepada mereka. Almarhum menasihati anakandanya agar menjaga dan melayan orang tua dengan penuh kasih saying; bukan sebaliknya seperti yang dijelaskan dalam frasa-frasa "mengingatkan jasa peliharaan bondamu, jangan sekali berhati jemu" , "jangan

sekali garha melawan" dan "kepada ibumu hendaklah setiawan", seperti yang terdapat dalam rangkapan syair di bawah:

Mengingatkan jasa peliharaan bondamu,

Jangan sekali berhati jemu,

Pelihara bonda sedaya upayamu,

Setiap masa janganlah langu.

(SPNB, 2008: 9)

Menegur menasihat bondamu tuan,

Jangan sekali garha melawan,

Mengeluarkan madah bahana

perlahan.

Kepada ibumu hendaklah setiawan.

(SPNB, 2008: 53)

Baginda juga mengajarkan kepada anakandanya perkara-perkara yang berkaitan dengan Rukun Iman seperti percaya kepada Allah dan kitab-kitab (Al-Qur'an). Almarhum menyebutkan perkara ini dalam frasa syair "Jangan mengadu kepada makhluk", "Kepada Tuhan semuanya tertakluk", "Kitab pilihan undang-undang Allah, Di dalam Quran semuanya terjumliah". Melalui frasa-frasa ini jelaslah bahawa baginda mengharapkan supaya anakanda mengadukan segala hal kepada Allah, Maha Pencipta, selain beriman kepada perkara yang dinyatakan dalam Rukun Iman. Hal ini ada disinggung oleh baginda dalam syair karangannya:

Wahai malaiku muda yang elok,

Jangan mengadu kepada makhluk,

Kekhilafan saudara yang dijuluk,

Kepada Tuhan semuanya tertakluk.

(SPNB, 2008, p.89)

Kitab pilihan undang-undang Allah,

Di dalam Quran semuanya terjumlah,

Jangan percaya kata dimadah,

Kecuali di dalam kitab yang sah.

(SPNB, 2008, p.81)

Berdasarkan nasihat-nasihat yang dicatatkan dalam syair ini, dapatlah dikatakan bahawa Sultan Omar Ali Saifudien tidak sahaja merakam kisah perjuangnya dalam mencapai perlembagaan, malah turut memberikan nasihat kepada anakanda baginda kepentingan memiliki keperibadian tinggi untuk menjadi pemimpin. Hal ini menunjukkan betapa pentingnya seseorang itu menguasai pelbagai ilmu dalam kehidupan, apatah lagi sekiranya seseorang itu adalah seorang pemimpin atau pemerintah. Berhubung hal ini, Rahimah Hamdan & Arba'ie Sujud (2018:250) mengatakan, "Sebagai 'role model' kepada yang dipimpin, seseorang raja seharusnya mempunyai kemampuan dan kemahiran dalam aspek tertentu untuk melayakkan dirinya digelar pemimpin yang berwibawa. Maka, ilmu pengetahuan adalah aset penting untuk memastikan wujudnya kualiti kepimpinan".

## **6.2 Kisah Pegawai-Pegawai Yang Berkhidmat**

Kisah pegawai yang berkhidmat adalah sebahagian daripada kandungan *Syair Perlembagaan Negeri Brunei*. Dalam syair ini diperihalkan barisan nama-nama pegawai serta perihal tingkahlaku, pemikiran dan peribadi mereka sepanjang berkhidmat dengan baginda sultan bagi menyelesaikan cadangan perlembagaan bertulis.

Menurut Mohd. Jamil Al-Sufri (1992, p.66), catatan sejarah pada tahun 1953, baginda Sultan telah melantik Jawatankuasa Menyiasat Perlembagaan yang terdiri daripada ahli-ahli MMN dan orang perseorangan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar. Tugasan ahli jawatankuasa ini adalah berjumpa rakyat dan penduduk seluruh negara untuk memberi peluang kepada mereka memberikan pendapat dan buah fikiran tentang perkara yang perlu dimasukkan dalam perlembagaan bertulis. Selain itu, baginda juga menubuhkan Majlis Mesyuarat Penasihat Daerah (MMPD) yang berfungsi untuk mengemukakan nasihat kepada kerajaan mengenai perihal yang berkaitan dengan daerah masing-masing. Peristiwa ini ada disebut dalam rangkap syair di bawah:

Sebelum diambil langkah muktamad,

Dilantik komiti memberi maklumat,

Pergi ke daerah bertemu rakyat,

Mencari fikiran suara muktamad.

(SPNB, 2008, p.2)

Rombongan baginda pergi ke London untuk membuat perundingan dan merealisasikan cadangan perlembagaan terdiri dari beberapa ahli yang dikira berjumlah 12 orang kesemuanya. Bilangan ini ada disebutkan dalam frasa syair baginda berbunyi "semua berjumlah dua belas dibilang" seperti pada rangkap syair berikut:

Rombongan ke London sembilan orang,

Jadi sepuluh termasuk dagang,

Tolak penasihat peguam yang

garang,

Semua berjumlah dua belas dibilang.

(SPNB, 2008, p.15)

Di dalam syair ini, baginda sultan juga telah mencatatkan kisah pegawai dan beberapa nama orang bangsawan yang telah berkhidmat menabur jasa kepada baginda dalam Majlis Diraja. Antaranya ialah Pengiran Muda Muhammad Alam yang diberikan pangkat wazir dalam negeri, selain Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman, (Yang di-Pertuan Istiadat Permai), Pengiran Pemancha Muda Saadah (Ahli Jemaah Pemangku Raja), Pengiran Ali (Pemangku raja Majlis Jemaah), Pengiran Damit (Hulubalang askar pahlawan istana) dan Sister Fong (pengiring bonda permaisuri). Hal ini ada diabadikan baginda dalam rangkapan syairnya seperti berikut:

Pengiran Muda Muhammad Alam,

Itulah nama muda pualam,

Gelarannya Pemancha telah

disulam, Berpangkat wazir negeri

dalam.

...

...

Seorang pemudi nama Sister Fong,

Mengiring bondamu masuk berurung,

Dibawa bondamu kerana mengandung,

Hatinya kuat suka menolong.

(SPNB, 2008, p.73-75)

Semua nama-nama yang tercatat di dalam *Syair Perlembagaan Negeri Brunei* ini adalah barisan orang-orang yang berjasa kepada baginda. Mereka

bukan hanya bertanggungjawab dalam soal pentadbiran negara malah berkhidmat tanpa penat lelah berganding bahu bersama baginda sultan untuk menjayakan rancangan perlembagaan yang ada sehingga sekarang; yang telah mempertaruhkan segala kemungkinan yang bakal berlaku hanya untuk merealisasikan impian baginda dan rakyat untuk merdeka dalam perlembagaan. Malah, terdapat sebilangan mereka yang bukan terdiri dari kerabat atau pegawai yang berjawatan tetapi hanya terdiri daripada seorang pengasuh, tukang masak dan pengiring. Kesemua mereka yang terlibat ini telah dimuatkan namanya dalam syair ini sebagai tanda mengenang jasa baik dan pengorbanan mereka terhadap keluarga baginda. Hal ini membuktikan betapa baginda percaya dan begitu mementingkan nilai budi seseorang sehingga jasa yang telah dicurahkan kepada baginda selama hayat mereka perlu ditampilkan kepada masyarakat sekarang supaya menjadi fakta sejarah tentang wujudnya orang-orang yang berjasa kepada baginda.

Kebijaksanaan baginda sebagai pengarang kreatif bukan hanya menghasilkan catatan peristiwa dalam syair tetapi terbukti mampu membangkitkan semangat nasionalisme kepada pengikut baginda. Berhubung perkara ini, Maizatul Akma Aziz & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2019:67) ada mengatakan bahawa pengarang kreatif pada zaman duhulu menyemarakkan semangat nasionalisme dan patriotisme melalui karya mereka.

### **6.3 Kisah Percutian Baginda**

Kisah percutian baginda sultan adalah sebahagian daripada kandungan *Syair Perlembagaan Negeri Brunei* yang menceritakan tentang peristiwa baginda beristerehat di Malaya. Peristiwa ini dirakamkan baginda dalam syairnya ini:

Berhenti kisah rombongan bersama,  
Pergi ke Malaya bersama  
menjelma, Ke tanah seberang  
dagang kesuma, Duduk berehat  
sedikit lama.

...

...

Sedikit lama bukan mastautin,  
Sebentar duduk hingga Isnin,  
Lalu mengadap ke Istana Chermin,  
Menghadiri kenduri paduka mukmin.

(SPNB, 2008, p.64)

Semasa bercuti di Malaya, baginda bukan sahaja berehat semata-mata tetapi juga menghadiri kenduri baginda Almarhum Paduka Muktabar Tuanku Abdul Rahman yang telah mangkat.

Kisah percutian baginda juga ada berkisar tentang hajat baginda untuk bercuti beristirehat setelah baginda balik dari Malaya. Sungguhpun begitu, baginda tetap membuat lawatan tidak rasmi ke hulu negara Brunei walaupun sedang bercuti. Baginda dikisahkan amat letih dengan tugas negara sehingga “Sendi anggota sedikit lemah” dan memerlukan istirehat yang secukupnya. Peristiwa ini diceritakan dalam rangkap-rangkap syair di bawah:

Sementara menunggu hari dan saat,  
Ayah pun menulis sepucuk surat,  
Kepada kerajaan mentakan hasrat,

Minta dilanjutkan cuti berehat.

...

...

Sungguhpun balik ke negeri sendiri,

Sungguhpun berada di dalam negeri,

Hendak berehat berdiam diri,

Hajat melawat ke hulu negeri.

...

...

Enam belas hari bulan jun kalau tak salah,

Sampai di padang satu setengah,

Dagang pun terus naik ke rumah,

Sendi anggota sedikit lemah.

(SPNB, 2008, p.84)

Berdasarkan contoh-contoh rangkapan syair tersebut, dapatlah dijelaskan bahawa kisah-kisah percutian baginda bukan hanya untuk bersenang-senang menikmati percutian semata-mata sehingga mengabaikan tanggungjawab, sebaliknya peristiwa percutian inilah yang membuktikan betapa tekun dan berusahaanya baginda bekerja sehingga diceritakan keletihan yang harus ditanggung baginda untuk merealisasikan impian masyarakat. Perkara ini telah ditekankan pada frasa "sendi anggota sedikit lemah" yang menyebabkan baginda memerlukan istirehat yang cukup. Perkara ini seharusnya menjadi titik permulaan membina semangat bangsa agar memiliki sikap yang tidak kenal penat lelah demi mencapai hasrat yang dijanjikan.

## 7.0 Kesimpulan

*Syair Perlembagaan Negeri Brunei* adalah karya penting, yang memperihalkan peristiwa bersejarah berkaitan perundingan penubuhan Perlembagaan Negeri Brunei. Syair yang digubah oleh Almarhum Sultan Muda Omar 'Ali Saifuddien ini merakam setiap langkah dan proses yang diusahakan baginda dalam memperjuangkan Negeri Brunei ke arah negeri berperlembagaan. Tidak dapat dinafikan, ketokohan Almarhum Sultan Omar 'Ali Saifuddien dapat diangkat menerusi syair ini sebagai tanda pencapaiannya dalam memperjuangkan dan seterusnya mewujudkan dasar perlembagaan di negara Brunei. Pandangan, ilizam serta rasa tanggungjawab seorang sultan terhadap rakyatnya ke arah pembentukan Perlembagaan Brunei terserlah lewat *Syair Perlembagaan Negeri Brunei* ini yang antara lainnya mengajukan gagasan dan falsafah kepimpinan baginda ke arah kemajuan dan wawasan negara. Syair ini sesungguhnya dapat menggambarkan pengalaman Almarhum Sultan Omar 'Ali Saifuddien sepanjang tempoh pemerintahan baginda sehingga negara Brunei Darussalam menjadi sebuah negara yang membangun dengan pesat di bawah tumpuk pemerintah beraja yang berdaulat.

Ketokohan baginda sebagai sebagai pengarang kreatif juga dapat dilihat apabila baginda turut mengisahkan perihal pegawai-pegawai yang berkhidmat dengan baginda sewaktu baginda memimpin, selain mengabadikan kisah percutian baginda dan juga nasihat-nasihat yang diberikan almarhum kepada putera-puteri baginda. Secara tidak langsung menjelaskan betapa baginda adalah pemimpin yang berkarisme dan keperibadian tinggi sebagai seorang pemimpin

### Biodata

- i. Nurdiyana Abd. Ghani ialah penerima Ijazah Sarjana Muda Kesusastraan Melayu dari Universiti Brunei Darussalam (2012), Ijazah Sarjana Sastera dari Universiti Kebangsaan Malaysia (2015) dan Ijazah Sarjana Pendidikan Kesusastraan Melayu, Brunei (2019). Beliau kini merupakan tenaga pengajar di salah sebuah sekolah menengah di Negara Brunei Darussalam dalam bidang Kesusastraan Melayu.
- ii. Zubir Idris (Ph.D) ialah Pensyarah Kanan Program Persuratan Melayu, Pusat Kajian Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu (BITARA MELAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah Kesusastraan Melayu Tradisional dengan pengkhususan Kajian Manuskrip Melayu dan Historiografi Melayu Tradisional.

### Rujukan

- Alimin Haji Abdul Hamid. (1995). *Daerah Kepenyairan Dalam Puisi Brunei: Sekitar Kritikan Sastera Melayu Brunei*. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ampuan Haji Brahim. (2010). *Kesusasteraan Brunei Tradisional: Pembicaraan Genre dan Tema*. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ampuan Haji Brahim. (2011). *Perbincangan Sastera dan Budaya*. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Brunei Annual Report 1953*.

Nurdiyana Abd Ghani & Zubir Idris, "Dasar Perlembagaan Sebagai Pencapaian Sultan Muda" JMS Vol. 3 Issue 1 (2020): 266 - 296

Dayangku Herney Zuraidah. (2007). "Pemerintahan Sultan Omar 'Ali Saifuddien III". *Pusaka*. Bil.14: hlm 27-33.

Haji Hashim Haji Abdul Hamid. (1991). *Bahasa dan Sastera Tradisional Brunei. Pertemuan Sasterawan Nusantara IV*. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Maizatul Akma Aziz & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. (2019). "Patriotisme Peribadi Dalam Novel-Novel Pilihan" dalam *Jurnal Melayu Sedunia* Vol. 2 Issue 1, p.63 – 92.

Morsidi Haji Muhammad. (2010). *Puisi Moden Brunei Sebelum Merdeka (1940-1983): Satu Kajian Tentang Tema, Citra, dan Perlambangan*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

Morsidi Haji Muhammad. (2011). *Puisi Islam Brunei Darussalam Dalam Hubungannya Dengan Puisi Islam Nusantara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muda Omar 'Ali Saifuddien. (1994). *Syair Perlembagaan Negeri Brunei*. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nik Safiah Karim. (1986). *Panorama Kesusastraan Melayu*. Selangor: Percetakan Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Noriah Mohamed. (2006). *Sentuhan Rasa dan Fikir Dalam Puisi Melayu Tradisional*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Muhammad Jami Al-Sufri (1992). *Liku-Liku Perjuangan Pencapaian Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Pusat Sejarah.

Nurdiyana Abd Ghani & Zubir Idris, "Dasar Perlembagaan Sebagai Pencapaian Sultan Muda" JMS Vol. 3 Issue 1 (2020): 266 - 296

Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Muhammad Jami Al-Sufri (1995). *Masa Silam Sarana Masa Depan: Kumpulan Kertas Kerja Seminar Sejarah Brunei II*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Pusat Sejarah.

Rahimah Hamdan & Arba'ie Sujud. (2018)." 'Duka Yang Bertakhta': Adab Pemerintah Dalam Dua Karya Kesuasteraan Melayu Tradisional" dalam *Jurnal Melayu Sedunia* Vol. 1 Issue 1, p.233-272 247.

Siti Aisah Pungut. (2010). "Perlembagaan Negeri Brunei 1959: sejarah awal pembentukannya". *Pusaka*. Bil.19: 7-13.

Teuku Iskandar. (1992). "Almarhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien dalam sejarah penulisan syair". *Pusaka*. Bil.5: 12-15.

Pelita Brunei. (2009). *Sultan Omar 'Ali Saifuddien Menyelamatkan Kedaulatan Negara*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Penerangan Brunei, p.22-23.

Pelita Brunei. (2010). *Arkitek Brunei Moden: Raja Berjiwa Rakyat*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Penerangan Brunei, p.9.